

15 JUL 1996

Mahathir-Jamuan

MALAYSIA BANTU REPUBLIK KYRGYZ INTEGRASI SISTEM EKONOMI SEJAGAT

Oleh: Rachman Nordin

BISHKEK, 15 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia bersedia bekerjasama dengan Republik Kyrgyz dalam mengintegrasikannya dengan sistem ekonomi sejagat, yang merupakan satu proses sukar tetapi penting.

"Malaysia peka dengan aspirasi negara-negara seperti Republik Kyrgyz yang sedang melakukan transformasi sukar untuk bertukar kepada ekonomi jenis pasaran. Pengalaman Malaysia mungkin digunakan dalam proses itu," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada majlis jamuan negara Presiden Askar Akayev sempena lawatan rasmi Perdana Menteri Malaysia ke republik itu mulai hari ini.

Dr Mahathir berkata proses pengintegrasian dengan sistem antarabangsa itu akan dilaksanakan tanpa banyak kesukaran menerusi perundingan lebih kerap antara kedua-dua negara dan rantau itu.

"Kami berharap kuasa-kuasa besar perindustrian dan istituti-institusi peminjam pelbagai hala akan peka kepada kesukaran ini," katanya.

Dr Mahathir berkata terdapat potensi baik bagi kerjasama dua hala terutama dalam konteks transformasi kepada ekonomi jenis pasaran di Republik Kyrgyz dan negara lain di rantau tengah Asia.

Beliau berkata dengan prospek yang baik dalam bidang itu, masih terdapat cabaran untuk mengintegrasikan ekonomi kedua-dua negara dengan negara-negara perindustrian maju dan sistem ekonomi sejagat.

Dr Mahathir berkata Malaysia mendapati penswastaan merupakan satu langkah baik dalam mencapai matlamat pembangunannya terutama ketika kerajaan menghadapi masalah sumber yang terhad.

"Pendekatan itu mungkin boleh digunakan di sini," katanya sambil menambah kata bahawa bidang kerjasama tertentu antara sektor awam dan swasta kedua-dua negara telah pun dikenalpasti.

Beliau juga gembira dengan hubungan yang terjalin antara Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri dengan Kementerian Ekonomi Republik Kyrgyz.

Perundingan itu sangat berguna dalam merangka kerja-kerja asas bagi merealisasikan perkongsian tertentu dan pertukaran pengalaman serta pengetahuan dalam perkhidmatan dan pentadbiran awam.

Dr Mahathir berkata sektor swasta Malaysia, yang diwakili tokoh-tokoh korporat terkemuka yang menyertai delegasi Perdana Menteri, mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang bagi melaksanakan kerjasama perlombongan, pelancongan, pembangunan infrastruktur dan mewujudkan zon-zon ekonomi.

Beliau berharap lawatan itu dan pertukaran lawatan pelbagai peringkat pada masa akan datang akan membolehkan sektor swasta kedua-dua negara melaksanakan projek dan usahasama bagi faedah bersama.

Dr Mahathir berkata Malaysia dan Republik Kyrgyz, dengan satu terletak di tenggara dan satu lagi di rantau tengah Asia, berada di tempat strategik untuk berperanan meyalurkan barangan dan perkhidmatan ke dua-dua negara ke negara lain di rantau masing-masing.

Dalam ucapan aluannya, Presiden Akayev berkata gabungan teknologi tinggi Malaysia dan kepakaran Republik Kyrgyz akan menyediakan asas bagi kerjasama yang berjaya antara kedua-dua negara.

Presiden Akayev berkata beliau yakin dengan usahasama-usahasama baru di Republik Kyrgyz dan Malaysia terutama dalam bidang perlombongan, elektronik dan perindustrian ringan, pelancongan dan pemprosesan produk pertanian.

Beliau berkata Republik Kyrgyz bersedia membenarkan Malaysia mengambil bekerja para jurutera, doktor, ahli sains dan jurulatih negara itu.

President Akayev berkata: "Kami terhutang budi kepada Malaysia kerana memberi peluang kepada anak-anak muda kami untuk belajar di universiti-universiti Malaysia di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

Pakar-pakar Kyrgyz, yang dididik dan dilatih menerusi peruntukan kewangan yang disumbang oleh kerajaan Malaysia akan memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara itu.

President Akayev berkata neagranya dan Malaysia berkongsi banyak pandangan sama dalam isu-isu semasa sejagat terutamanya bagi kestabilan dan kemakmuran sejagat.

Beliau berkata negaranya memberi perhatian penuh kepada pembangunan hubungan dua hala dan pelbagai ahala dengan negara-negara Islam dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Pergerakan Berkecuali (NAM) serta pertubuhan lain.

Sebanyak 70 peratus daripada lima juta penduduk Republik Kyrgyz ialah umat Islam.

Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Puan Akayev, menteri-menteri Kabinet Malaysia, menteri-menteri besar dan pegawai-pegawai kanan serta rakan sejawatan masing-masing turut hadir pada majlis itu. -- BERNAMA

RN NAK